

**MESYUARAT JAWATANKUASA AD-HOC KAWAD KEBAKARAN ZON C4  
FAKULTI KEJURUTERAAN DAN TEKNOLOGI MEKANIKAL (FKTM)**

Tarikh : 29 Mei 2023 (Isnin)  
Masa : 10:00 pg – 1:00 ptg  
Tempat : Makmal FKTM A2

Agenda:


1. Kata aluan Komander Insiden zon C4
2. Perbincangan Mesyuarat Pelarasan
3. Perbincangan Mesyuarat *Table-top Exercise* (TTX)
4. Perbincangan Latihan Pengungsian Bangunan (*Fire Drill*)
5. Perbincangan Mesyuarat Post Mortem
6. Penutup oleh Komander Insiden zon C4

BIL.	PERKARA	TINDAKAN
1	<p><b><i>Kata aluan Komander Insiden zon C4</i></b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Mengucapkan selamat pagi dan mengalu-alukan kedatangan semua yang hadir terutamanya wakil-wakil dari COSHE.</li> <li>• Perancangan asal untuk latihan pengungsian bangunan diatuhkan pada sekitar bulan September 2023. Akan tetapi diawalkan selepas mengambil kira faktor lawatan akreditasi program Teknologi Kejuruteraan Mekanikal (Pemprosesan Bahan) yang dijangkakan pada 11 – 12 Julai 2023.</li> <li>• Hasrat untuk mengadakan Mesyuarat Pelarasan, Mesyuarat TTX dan Latihan Pengungsian Bangunan (fire drill) dalam bulan Jun 2023, serta Mesyuarat Post Mortem pada awal Julai 2023.</li> </ul>	-
2	<p><b><i>Perbincangan Mesyuarat Pelarasan</i></b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Dicapangkan untuk mengadakan Mesyuarat Pelarasan pada 2 Jun 2023 atau 6 Jun 2023 bergantung kepada ketersediaan pihak COSHE.</li> <li>• Satu surat rasmi perlu disediakan oleh JPKPKP, FKTM kepada pihak COSHE atas makluman persediaan dan pelaksanaan latihan pengungsian bangunan (fire drill). Surat tersebut perlu disertakan dengan dokumen:-             <ol style="list-style-type: none"> <li>i. Carta JPert zon C4</li> <li>ii. Prosedur tindakan kecemasan kebakaran zon C4</li> <li>iii. Prosedur tindakan kecemasan kegagalan utiliti zon C4</li> <li>iv. Prosedur tindakan kecemasan tumpahan &amp; kebocoran bahan kimia zon C4</li> </ol> </li> <li>• Mesyuarat Pelarasan membabitkan penglibatan jawatankuasa pengurusan pasukan tindak balas kecemasan (JPert), pengurus keselamatan dan kesihatan pekerjaan PTj yang terlibat, Jabatan Pembangunan (JP), Pusat Kesihatan Universiti (PKU), Jabatan Keselamatan (Jkes) dan pengusaha-pengusaha di permiss perniagaan di sekitar zon C4.</li> </ul>	- Pengurus JPKPKP

BIL.	PERKARA	TINDAKAN
	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Satu email jemputan akan dikeluarkan oleh Pengurus JPKPKP, FKTM kepada Komander Insiden zon C4, Penolong Pegawai Insiden zon C4, Pengurus KKP FKTM, Pengurus KKP PKU, Pengarah JP, Pengarah PKU dan Pengaraj JKes.</li> <li>• Satu surat jemputan akan dikeluarkan oleh Pengurus JPKPKP, FKTM kepada para pengusaha di permis perniagaan di sekitar zon C4.</li> <li>• Komander Insiden zon C4 perlu sediakan :-               <ol style="list-style-type: none"> <li>i. Carta JPert zon C4</li> <li>ii. Prosedur tindakan kecemasan zon C4</li> </ol> </li> </ul>	<p>Pengurus JPKPKP</p> <p>Pengurus JPKPKP Komander Insiden</p>
3	<p><b><i>Perbincangan Mesyuarat Table-top Excercise (TTX)</i></b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Mesyuarat Table-top Excercise (TTX) hanya akan berlangsung selepas Mesyuarat Pelarasan. Sekiranya JPert telah ditubuhkan, dokumen-dokumen seperti prosedur tindakan kecemasan, pelan laluan kecemasan, talian kecemasan dan sebagainya yang berkaitan telah siap disediakan, tiada halangan untuk mengadakan Mesyuarat TTX sebaik selepas Mesyuarat Pelarasan.</li> <li>• Dicapangkan untuk mengadakan Mesyuarat TTX pada 7 Jun 2023 (bergantung kepada ketersediaan pihak COSHE).</li> <li>• Satu kes seumpama insiden kecemasan dalam zon C4 akan diberikan kepada para ahli JPert untuk membincangkan tindakan-tindakan yang diambil semasa kejadian tersebut.</li> <li>• Pihak COSHE akan memilih ahli-ahli JPert secara rawak untuk mengetahui tindakan yang diambil semasa kes kejadian berlaku.</li> <li>• Dicapangkan bahawa para ahli JPert dapat simulasi keadaan kejadian kecemasan sebelum TTX untuk melihat keberkesanan ahli-ahli JPert menandatangani dan menghadapi sesuatu kejadian kecemasan.</li> <li>• Para ahli ERT perlu menyimpan nombor telefon kecemasan yang berkaitan dan nombor komander insiden agar dapat memberikan tindakan serta-merta semasa kejadian kecemasan.</li> </ul>	<p>-</p> <p>-</p> <p>-</p> <p>-</p> <p>JPert</p> <p>JPert</p>
4	<p><b><i>Perbincangan Latihan Pengungsian Bangunan (fire drill)</i></b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Dicapangkan untuk mengadakan latihan pengungsian bangunan (fire drill) dalam bulan Jun 2023 (bergantung kepada ketersediaan pihak Jabatan Bomba &amp; Penyelamat Malaysia).</li> <li>• Disebabkan terdapat latihan pengungsian bangunan oleh FKTM dan FKTE di kampus Alam dan FKTK di Dragon, latihan pengungsian bangunan di zon C4 dijangkakan seawal 14 Jun 2023.</li> <li>• Latihan pengungsian bangunan (fire drill) bukan sahaja melibatkan Jabatan Bomba &amp; Penyelamat Malaysia, tetapi juga pemerhati dari pihak Jabatan Bomba &amp; Penyelamat Malaysia, pemerhati dari COSHE, pemerhati dari JP, pemerhati dari PKU dan pemerhati dari Jkes.</li> <li>• Pemerhati dari Jabatan Bomba &amp; Penyelamat Malaysia mungkin menanya soalan kepada warga UniMAP di zon C4 secara rawak untuk mengetahui kesedaran warga UniMAP terhadap kesedaran menghadapi insiden kecemasan. Soalan yang ditanya mungkin siapakah komander insiden, nombor telefon komander insiden, dan sebagainya.</li> <li>• Pembentangan hasil dapatan oleh pihak Jabatan Bomba &amp; Penyelamat Malaysia sebaik selepas Latihan Pengungsian Bangunan.</li> <li>• Dijangkakan seramai 10 orang wakil dari Jabatan Bomba &amp; Penyelamat Malaysia, 10 orang wakil dalaman dari COSHE, JP, PKU, dan Jkes.</li> <li>• Latihan pengungsian bangunan (fire drill) perlu membabitkan semua warga yang terdapat di zon C4 termasuk pengusaha-pengusaha yang terdapat di permis perniagaan di zon C4. Jemputan wakil daripada pengusaha diperlukan untuk memberi pandangan dan cadangan semasa pelaksanaan latihan pengungsian bangunan dan membuat persiapan untuk menghadapi sebarang insiden kecemasan pada masa hadapan.</li> </ul>	<p>-</p> <p>-</p> <p>-</p> <p>-</p> <p>-</p> <p>-</p> <p>Pengurus JPKPKP</p>

BIL.	PERKARA	TINDAKAN
5	<p><b><i>Perbincangan Mesyuarat Post Mortem</i></b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>Dicadangkan untuk mengadakan Mesyuarat Post Mortem selewat-lewatnya pada awal bulan Julai 2023 atau sebelum 11 Julai 2023.</li> </ul>	-
6	<p><b><i>Penutup oleh Komander Insiden zon C4</i></b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>Ucapan terima kasih atas kerjasama, cadangan dan pandangan yang diberikan oleh pihak COSHE atas persediaan latihan pengungsian bangunan.</li> <li>Mesyuarat ditangguhkan pada jam 12:00 tengah hari.</li> </ul>	-

Disediakan oleh:



(En. Masri Zairi Mohd Zin)

Komander insiden zon C4

Disahkan oleh:









(Ts. Dr. Tan Wee Choon)

Pengurus JPKPKP FKTM

MESYUARAT JAWATANKUASA AD-HOC KAWAD KEBAKARAN ZON C4  
FAKULTI KEJURUTERAAN DAN TEKNOLOGI MEKANIKAL (FKTM)

BIL.2-2023

Tarikh : 29 Mei 2023 (Isnin)  
Masa : 10:00 pg – 1:00 ptg  
Tempat : FKTM A2

BIL	NAMA	JAWATAN	TANDATANGAN
1	Ts. Dr. Tan Wee Choon	Setiausaha / Pengurus JPKPKP FKTM	
2	En. Masri Zairi Mohd Zin	Komander Insiden C4	
3	Tc. Narzrezal Abdul Razak	Penolong Komander Insiden C4	
4	PUAN AFIDAH BINTI SAHIDAN	PENOLONG PEGAWAI SAINS	
5	ENCIK SHAH RIZAN MOHD REJAB	PEGAWAI SAINS	
6	<sup>CIK</sup> FATIN NABILAH BINTI AZIS	PENOLONG PEGAWAI SAINS	
7			
8			
9			
10			
11			
12			
13			
14			
15			
16			
17			
18			